# ZHULIAN SCOPE

JANUARI - MAC 2020 Untuk Pengedar **ZHULIAN** Sahaja PP 13742/12/2012 (031428)


## MENYERTAI BUKAN SEKADAR MEMADAI TETAPI MENYERTAI UNTUK MENJUARAI!




**RCD NOR IRDAWANI BT CHE RAZALI**

28-0002285158

## Syabas & Tahniah

# ZHULIAN

### Anugerah THE ASIA HALAL BRAND AWARDS 2019 (HERITAGE BRAND) bagi kategori

### "BEST INNOVATION BEVERAGES & NUTRITIONAL SUPPLEMENT"

### menjadi milik kita!







**ZHULIAN Industries Sdn Bhd** telah dianugerahkan **THE ASIA HALAL BRAND AWARDS 2019 (HERITAGE BRAND)** bagi kategori **"BEST INNOVATION BEVERAGES & NUTRITIONAL SUPPLEMENT"** sebagai tanda pengiktirafan terhadap reputasi cemerlang jenama HALAL **ZHULIAN**! Anugerah ini telah disampaikan semasa The Asia Halal Brand Awards 2019 Gala Night berlangsung di Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur pada 6hb Disember 2019 lalu.

**ASIA HALAL BRAND AWARDS** merupakan anugerah terkemuka bagi mengiktiraf dan mempromosikan jenama-jenama Halal utama di Asia, dan kemenangan ini adalah bukti nyata bahawasanya **ZHULIAN** memiliki kedudukan jenama yang mampan dengan prestasi perniagaan yang terbukti di dalam pasaran produk makanan Halal di rantau ini!




# KANDUNGAN


## UTUSAN PENGURUSAN

4 Tahun Lalu Biar Berlalu; Tahun Baru, Semangat Baru!

## PENGUMUMAN

5 Jadual Aktiviti **ZHULIAN** 2020

25 Sudahkah anda mendaftar sebagai Pengguna Laman Web **ZHULIAN**?

## GERBANG CEMERLANG

6 RCM - DSM

22 SSM - SE

## PEDOMAN

20 Aspirasi & Inspirasi 2020

## AYUH BANGKIT BERSAMA

26 Seminar B'Young Semula

27 Y.E.S. Graduasi

28 Konvensyen Perdana 2019

## HIAS & RIAS

34 Barangan Kemas Saduran Fesyen **ZHULIAN**

## SIHAT & SEJAHTERA

36 Apa itu Serat? Selanggarakan fungsi pencernaan anda dengan **ISO.5**

38 Pelbagai pilihan PROTEIN bersama **ZHULIAN**




# TAHUN LALU BIAR BERLALU; TAHUN BARU, SEMANGAT BARU!

*"Nobody can go back and start a new beginning, but anyone can start today and make a new ending."* - Anonymous

Teruja dan berdebar! Jika demikian perasaan anda sejurus melangkah ke tahun baru ini, anda sememangnya telah bermula dengan baik! Awal tahunlah masanya untuk anda merenung (bukan menyesali) tahun yang telah berlalu pergi dan melangkah penuh keterujaan dan debaran! Mengapa teruja dan berdebar? Teruja kerana dengan semangat yang masih membuak-buak di dada semestinya mendorong anda melaksanakan setiap perancangan dengan sepenuh keazaman, manakala berdebar-debar kerana anda tahu dengan usaha dan kecekalan, hasil yang menakjubkan sudah pasti menanti anda!

Setiap awal tahun, anda bercakap tentang keinginan untuk berubah. Namun hanya memikirkan untuk berubah cukup membuatkan anda gelisah...ubah tabiat lama, ubah cara berfikir, ubah pendekatan melakukan sesuatu tugas, dll. Kegelisahan muncul tatkala anda merasai ketidakpastian untuk berubah kerana ia memaksa anda untuk melakukan permulaan yang baru yang mungkin luar daripada kebiasaan. Namun sematkanlah di minda penetapan yang paling penting ketika berubah ~ "*Tiada yang berubah jika tiada yang diubah*". Tidak kira sama ada dengan berubah akan membuahkan hasil mahupun tidak, anda perlu melakukannya terlebih dahulu. Jangan dinanti keadaan menjadi sempurna untuk anda berubah, tetapi mulakanlah perubahan demi menyempurnakan keadaan. Sesungguhnya perubahan itu tidak mudah, tetapi perubahan semestinya berbaloi!

Sebagai Pengedar **ZHULIAN**, anda berpeluang menyaksikan pencapaian dan kejayaan para Pemimpin di sekeliling anda. Tidak semua Pemimpin berjaya telah menjalani perniagaan ini dalam tempoh yang panjang, bahkan ada segelintir yang baru setahun jagung sahaja bersama **ZHULIAN**. Jelas sekali kejayaan yang telah dinikmati bukan kerana mereka telah lama bersama **ZHULIAN** tetapi keazaman mereka untuk berubah, meluaskan perspektif dengan memutuskan untuk keluar daripada zon selesa. Anda juga boleh berubah dan merasai kehidupan sebagai insan berjaya. Genggamlah peluang menyertai mana-mana acara anjuran **ZHULIAN**, dekati mana-mana Pemimpin di Agensi yang boleh diteladani, cabar keupayaan diri untuk menjayakan yang terbaik demi keluarga, rangkaian dan semestinya, diri sendiri! Selamat Tahun Baru!


ZhulianMalaysia

zhulianmalaysia

www.zhulian.com.my

My Zhulian

Scan & Download Now !

ANDROID APP ON Google play

Available on the App Store

Let's Chat!

TALIAN KHIDMAT PELANGGAN
客戶服務熱線 CUSTOMER SERVICE HOTLINE

604-6162039

Emel / 电邮 / Email : chat2039@zhulian.com.my



**ZHULIAN SCOPE** is a magazine published and distributed by: **ZHULIAN MARKETING (M) SDN BHD** for **ZHULIAN** distributors only.



All copyright reserved. The reuse of any articles in this magazine is permitted only upon the written consent from:



**ZHULIAN MARKETING (M) SDN BHD.** (186058-T)
Plot 41, Bayan Lepas Industrial Estate,
Phase IV, 11900 Penang, Malaysia.
Direct Sales Licence No.: AJL 93195

Printed by:
**ZHULIAN PRINTING INDUSTRIES SDN BHD.** (216788-X)
Plot 42, Bayan Lepas Industrial Estate, Phase IV,
11900 Penang, Malaysia.

# 2020...Sarat Aktiviti, Sarat Pencapaian!

*Awal tahun adalah masa yang paling sesuai untuk menyedut segala aura positif agar anda melangkah dengan aura yang positif sehingga ke hujung tahun! Lihat segala tarikh-tarikh ini...berusahalah dan berikrarlah untuk menjadi sebahagian daripada detik-detik penting ini bersama rakan-rakan seperjuangan anda!*

## KEMPEN BENGKEL PEJUANG HARMONI DINAMIK (P.H.D.)

P1: Jan - Mac 2020
P2: Apr - Jun 2020
P3: Jul - Sept 2020
P4: Okt - Dis 2020





## Young Entrepreneur Seminar (Y.E.S. 3)

14/02/2020 (Jumaat)
Kelantan

16/02/2020 (Ahad)
Pulau Pinang

07/03/2020 (Sabtu)
Melaka

08/03/2020 (Ahad)
Kuala Lumpur



## BREAKTHROUGH ENTREPRENEUR SEMINAR (B.E.S.)

7-8/02/2020
Hotel Grand Ion Delemen,
Genting Highlands




## Diamond Hope Rally

Sepanjang
Februari & Mac
2020

## Roadshow Power Green

29/02/2020 (Sabtu)



## Pelancongan Insentif ZHULIAN

19-23/03/2020
Bali, Indonesia



*Semua lokasi yang belum dinyatakan akan disahkan dan dimaklumkan kelak. Sila dapatkan maklumat lanjut daripada Agensi berhampiran anda, atau layari www.zhulian.com.my!

## *"MENYERTAI BUKAN SEKADAR MEMADAI TETAPI MENYERTAI UNTUK MENJUARAI!"*



Bismillahirahmanirahim....Subhanallah, Alhamdulillah, Allahuakbar. Segala puji hanya kepada Allah. Syukur yang tidak terhingga dianugerahkan pangkat yang menjadi idaman setiap Pengedar **ZHULIAN** iaitu pangkat Royal Crown Director sekaligus membawa kepada diri mengenalpasti tanggungjawab yang agak besar untuk **ZHULIAN** Harmoni pada kali ini. Melibatkan diri dalam perniagaan ini selama 11 tahun bukan satu masa yang lama, ibarat baru semalam mendaftar sebagai ahli. Masih banyak lagi pengalaman yang perlu dicari, dan masih banyak bakat serta ilmu yang perlu dicungkilkan. Melakukan secara istiqomah dan tidak sesekali berputus asa, menarik diri untuk mendapatkan beberapa insentif hebat dalam perniagaan ini sehingga tanpa sedar ujian dan dugaan silih berganti datang sepanjang waktu. Ia datang bukan berseorangan namun ia datang dengan rezeki yang cukup indah. Pasrah dan redha berserta semangat juang yang tinggi selalu diterapkan dalam diri ini untuk menjadi insan yang lebih mahir tentang selok-belok perniagaan MLM yang hebat ini tatkala ramai yang sudah mengalah. Tidaklah sesukar mana walaupun ia bukanlah terlalu senang namun melihat pada keajaiban perniagaan berjemaah ini, hati terasuh agar jangan mudah berputus asa.



Sejujurnya telahku akui **ZHULIAN**lah platform terbaik untuk kita semua yang serba kekurangan ini. Sertailah dan terus bermula…menyertai yang bagaimana? Menyertai bukan sekadar memadai tetapi menyertai untuk MENJUARAI! Alhamdulillah dari insan biasa-biasa dengan tindakan yang luar biasa akhirnya rezeki dari Allah pun datang secara luar biasa untukku. Terima kasih kepada insan yang banyak memberi galakan dan dorongan yang padu kepadaku iaitu suami, En. Abdullah Bin Hasan, anak-anak tercinta, ibu bapa serta sifu dan guruku iaitu RCM Tuan Shikh Ibrahim Bin Shikh A. Hanam dan yang lebih utama adalah semua anak rangkaian dari seluruh **ZHULIAN** Agensi Setiu dan serata Agensi di seluruh Malaysia. Untuk mu yang tersayang… kalian tetap berada di hati dan doa saya yang paling dalam.







# RCD NOR IRDAWANI BT CHE RAZALI

28-0002285158

Pekerjaan Sebelum Ini : JURUTERA (MEKANIKAL)
Penaja : CDM ZAWIAH @ ZAHARAH BT SHAFIE
28-0000839125





















*"Banyaknya Kelemahan Yang Dimiliki Sehingga Begitu Sukar Untuk Berjaya, Namun Sikap Patuh, Mahu Dan Sanggup Yang Ada Dalam Diri Mengatasi Segalanya."*

Bismillahirrahmannirrahim. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi, dengan izin dan rahmatNya, saya telah sampai ke tahap ini. Terima kasih buat Syarikat **ZHULIAN** kerana menyediakan produk berkualiti yang tiada tolok bandingnya. Bersama Pelan Pemasaran **ZHULIAN** yang terindah, dilengkapkan lagi dengan perisian ColoSkim dan *'Smart Intermittent Fasting' (SIF) is a way of life* yang telah membawa **ZHULIAN** menerobosi setiap lapisan masyarakat dengan penuh harmoni, hinggakan orang yang biasa-biasa seperti saya mampu mendaki dan terus mendaki untuk sampai ke puncak kejayaan. Saya perhebatkan sifat patuh saya bersama ilmu yang telah distandardkan, dari Gedung Ilmu SIF di SAC. Menerima hakikat, permulaan yang berdikit-berdikit, fahami sifat usaha, disertakan dengan kerja yang bertubi-tubi bersama strategi, saya dapat membuktikan ianya boleh dan mudah dilakukan, malah begitu cepat diduplikasi kepada anak rangkaian. Syukur Alhamdulillah.




Sesungguhnya kejayaan saya adalah hasil sokongan penuh kasih sayang, bimbingan serta garapan insan-insan penting dalam hidup saya. Terima kasih yang tidak berpenghujung buat Pemimpin Progresif Syarikat **ZHULIAN**, ibunda tercinta RCD Hajjah Salina Bt Selamat, yang sentiasa tidak jemu-jemu memberi ilmunya yang sentiasa hidup dan subur dalam diri ini, malah beliau mengubah cara berfikir, mendidik dan menjayakan diri saya, yang terlalu banyak kekurangan, hingga mampu mencapai ke tahap ini. Hanya Allah sahaja yang dapat memberikan ganjaran buat ibunda RCD yang dikasihi serta seisi keluarga. Seterusnya, terima kasih yang tidak bertepi buat suami kiriman Tuhan, Hayat Al-Sabri Bin Yahaya, yang sentiasa menjadi tulang belakang kehidupan dan kejayaan saya. Dan jutaan terima kasih buat semua Downline yang sentiasa dikasihi dan disayangi. Tanpa mereka, siapalah saya. Buat semua sahabat *Pretty* dan jemaah **ZHULIAN** Agensi Shah Alam, terima kasih atas kerjasama serta ukhwah yang begitu erat antara kita. InsyaAllah kalian semua adalah sahabat dunia akhirat. Bersama-sama kita melunaskan Misi dan Visi membawa **ZHULIAN** kepada masyarakat dan menyediakan pasaran yang subur untuk masa hadapan.













## RCM ANIS NOVITA BT ADNI

28-0001969818

Pekerjaan Sebelum Ini : PENIAGA KONVENTIONAL
Penaja : RCD HAJJAH SALINA BT SELAMAT
28-0000908530





*Daripada Ibnu Umar R.A.: Rasulullah S.A.W. didatangi oleh seorang lelaki: "Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling dicintai Allah S.W.T.?" Baginda menjawab: "Orang yang paling dicintai Allah ialah orang yang paling bermanfaat buat manusia lain."*
*(HR Tabrani)*



Syukur alhamdulillah kepada Allah Ya Bari' atas kenaikan pangkat RCM dan Ya Razzaq atas rezeki dikurniakan umi ayah terindah yang sentiasa berdoa untuk anakanda. Seperti dibuai mimpi indah, dihadirkan dua RCD kiriman Allah untuk saya meneruskan perniagaan ini. Seawal melangkah dalam perniagaan ini dididik oleh RCD Nor Irdawani Bt Che Razali hingga meraih pangkat DSM kemudian dilengkapkan lagi dengan bimbingan RCD Hajjah Salina Bt Selamat dalam mencapai pangkat CDM dan RCM di usia muda. Terima kasih buat pihak Syarikat, terutamanya En. Ezani Bin Abdullah dan En. Nelson Cheah yang sentiasa memberi sokongan dan percaya kepada entiti bernama "*Power Green*". Seawal usia 27 tahun, anak muda ini mula mengorak langkah tangga kejayaan, sehingga terciptanya platform "*Power Green*". Kehebatan seorang anak muda bukan pada bakat ataupun petah berkata-kata namun nilaian itu berada pada sebuah pengalaman dalam membuat keputusan secara matang dan bijaksana. Jutaan terima kasih kepada anak-anak rangkaian di seluruh Malaysia, khususnya *Brilliant Power Green,* atas kepercayaan, kesetiaan, kefahaman, cinta dan kesanggupan yang telah kita cipta bersama dengan hati. Ukhuwah yang terbina dengan sahabat seperjuangan iaitu *Pretty of SAC,* Pemimpin STA dan Pemimpin **ZHULIAN** Malaysia juga asbab kenaikan pangkat ini.



Ilmu itu sifatnya luas, terokailah mengikut apa yang kita perlukan masa kini dan untuk hasilkan pada masa hadapan. Sebagai anak muda, menjadi makanan ruji untuk menimba bersungguh-sungguh mutiara ilmu, apatah lagi jika ilmu itu bersifat cara kerja yang realistik untuk capai kejayaan ianya seperti makanan berfungsi. Wawasan 2039 **ZHULIAN** adalah matlamat anak muda untuk berdiri di barisan Pemimpin cemerlang untuk mendidik generasi alpha menyambung warisan. Kitalah Pemimpin masa hadapan yang sedang dipersiapkan hari ini. Tarbiyahlah diri untuk dakwah masyarakat dengan penuh ilmu dan pengalaman.












## RCM NURUL NAJIHAH BT CHE RAZALI
28-0002428416

Pekerjaan Sebelum Ini : CALON DOKTOR FALSAFAH
Penaja : RCD NOR IRDAWANI BT CHE RAZALI
28-0002285158













## CDM WONG YEAK MEI
28-0000169115

Pekerjaan Sebelum Ini : PEMILIK ZHULIAN AGENSI SITIAWAN
Penaja : SE KAVEN LAU YIK KAI
28-0004818520

## CDM ROHAIZAN BT MAT SHAIR
28-0000838001

Pekerjaan Sebelum Ini : JURURAWAT
Penaja : RCM HAJJAH HAMIDAH BT ABU CHIK
28-0000536017



### "HENDAK SERIBU DAYA, TAK NAK SERIBU DALIH."

"*Hendak seribu daya, tak nak seribu dalih*", inilah kata-kata hikmat yang menjadi prinsip untuk saya. Jutaan terima kasih buat suami dan upline tercinta, RCM Lau Sheng Ming. Sokongan dan semangat yang diberikan membuatkan saya berazam untuk terus berjaya. Terima kasih juga untuk semua Pemimpin **ZHULIAN** Agensi Sitiawan, Ipoh, Teluk Intan dan Batu Gajah yang sentiasa bersama berjuang menghadapi segala rintangan dan cabaran. Bersyukur kerana saya mencapai pangkat Crown Diamond Manager, dan matlamat seterusnya menjelang tahun 2020, pangkat Royal Crown Manager pasti menjadi kenyataan! Genggam bara api, biar sampai jadi arang. Genggam peluang **ZHULIAN** biar sampai jadi jutawan. Akhir kata dari saya, kejayaan datang dari keinginan yang membara, fikiran positif dan bertindak berterusan. Berjumpa kita di puncak kejayaan!

















### "HIDUP MESTILAH ADA MATLAMAT. TANPA MATLAMAT, HILANGLAH SEMANGAT JUANG. BERJUANG MERUNGKAI KELEMAHAN DAN KEKURANGAN DIRI SERTA SENTIASA BERFIKIRAN POSITIF ADALAH ASAS SEBUAH KEJAYAAN."





Bismillahirahmanirrahim. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi dengan izinnya saya berjaya ke pangkat Crown Diamond Manager melalui Pelan Pemasaran **ZHULIAN** yang baru. Terima kasih kepada Syarikat **ZHULIAN** kerana menyediakan platform terbaik buat kami. Saya yakin dan percaya saya boleh berjaya seperti orang lain dengan prinsip "Hidup mestilah ada matlamat. Tanpa matlamat, hilanglah semangat juang"! Saya percaya **ZHULIAN** mampu mengubah hidup saya yang biasa-biasa jadi luar biasa. Walaupun melakukan perniagaan ini secara *part-time,* saya berjaya meraih kereta mewah dan melancong ke luar negara seperti Jepun, Switzerland, China, Thailand, Vietnam dan sebagainya secara percuma! Penghargaan yang tidak terhingga untuk insan-insan tersayang terutama suami tercinta iaitu En. Mohd Shafie bin Abdul Muning serta anak-anak yang dikasihi atas pengorbanan mereka selama ini. Tidak lupa kepada upline yang hebat mengheret saya ke Dunia **ZHULIAN** iaitu mantan Diamond Star, RCM Hajjah Hamidah Bt Abu Chik dan suami yang tidak pernah berputus asa dalam membimbing saya hingga berjaya. Bersyukur saya bernaung di **ZHULIAN** Agensi Kota Bharu di bawah pimpinan mantan Diamond Star, RCM Hajjah Hamiah Bt Wan Omar serta suami yang gigih dan begitu banyak berjasa di sepanjang perjalanan saya dalam perniagaan ini. Penghargaan juga buat semua Downline tercinta, Sideline dan Warga **ZHULIAN** KBB yang sentiasa bersama menggembleng tenaga, sentiasa bantu-membantu dalam setiap aktiviti. Akhir kata, BERJUANG MERUNGKAI KELEMAHAN DAN KEKURANGAN DIRI SERTA SENTIASA BERFIKIRAN POSITIF ADALAH ASAS SEBUAH KEJAYAAN.











## CDM AZMAH BT YAHAYA
28-0001602791

Pekerjaan Sebelum Ini : PELUKIS PELAN KEJURUTERAAN
Penaja : RCD TUAN HAJI USTAZ AZMAN BIN HAJI IBRAHIM
28-0000798789

## CDM SITI NORAIN BT MD ALI
28-0004010606

Pekerjaan Sebelum Ini : PENJAWAT AWAM KEMENTERIAN PERTAHANAN
Penaja : DSM KHADIJAH BT SUBAHE
28–0003420323



### "TIADA KEJAYAAN JIKA TIADA USAHA DAN PENGORBANAN."

Bismillahirrahmannirahim. Assalamualaikum W.B.T. Syukur Alhamdulillah ke hadrat Illahi dengan izinNya dan kesungguhan berusaha tanpa pernah putus asa dalam menjalankan perniagaan **ZHULIAN** sehingga mencapai ke tahap Crown Diamond Manager. Kejayaan yang diperolehi hasil kerja keras, fokus, toleransi serta kasih sayang dalam mendidik dan membina jiwa insan. Terima kasih kepada Syarikat **ZHULIAN** kerana menyediakan peluang yang hebat ini. Keyakinan terhadap Syarikat yang telah bertapak selama 30 tahun mendorong saya untuk merebut peluang mencipta kejayaan. Alhamdulillah hasil kesetiaan, keberanian dan kesungguhan juga kerjasama rakan-rakan di **ZHULIAN** Agensi Bandar Baru Bangi memberikan suntikan semangat untuk terus maju. Berbekalkan pelan pemasaran terindah **ZHULIAN** menyemarakkan lagi semangat kerja berpasukan. Kepada para Pemimpin dan rakan seperjuangan juga anak rangkaian yang dikasihi, terima kasih di atas sokongan anda. Buat keluarga tersayang, suami Tuan Haji Roslan Bin Salim dan anak-anak, terima kasih kerana memahami dan bersabar serta sentiasa menjadi pendorong dalam perniagaan ini. Tiada kejayaan jika tiada usaha dan pengorbanan. Kepada anak-anak rangkaian, alang-alang sudah bermula, lakukan bersungguh-sungguh, terus lakukan dengan berilmu dan istiqamah kerana anda semua sudah berada di landasan yang betul. Teruskan tindakan dengan sepenuh hati, insyaAllah kejayaan pasti menjadi milik kita. Allah pasti memberi apa yang kita minta dan usahakan. Terima kasih Syarikat **ZHULIAN** kerana menyediakan platform yang kukuh lagi terunggul.















### "TANPA KEBERANIAN, MIMPI TIDAK AKAN MENJADI KENYATAAN."

Gantunglah cita-cita setinggi langit kerana impian akan menjadi kenyataan apabila kita memiliki keberanian untuk cuba mencapainya. Berkat berani bertindak menyimpan impian untuk mencapai dan menjadi kuat tanpa berputus asa walaupun kekadang kecundang jua. Semangat yang kuat dan sentiasa berada di dalam *'positive circle'* membuatkan saya terus melangkah kepada matlamat dan impian saya. Bermula hanya untuk sihat dengan produk B'YOUNG, disuakan pula peluang dengan insentif pelancongan ke luar negara bersama Syarikat **ZHULIAN** membuatkan hati berbunga-bunga. Langkah demi langkah dihayun untuk mengejar apa yang diimpikan dan ternyata setiap usaha yang dilakukan dengan BERCARA pasti akan membuahkan hasil. Terima kasih kepada suami yang dikasihi dan anak–anak yang sentiasa memahami dan memberi ruang untuk mengubah diri dari biasa-biasa menjadi yang luar biasa. Bersyukur juga sentiasa bersama rakan niaga dan rakan pengguna di **ZHULIAN** Agensi Ampang yang sentiasa menyokong, membantu dan memberi dorongan untuk saya terus cekal dan berkesanggupan untuk dijayakan. Saya letakkan IMPIAN dan MATLAMAT untuk saya capai dengan ilmu dan tindakan supaya tidak tergelincir dari landasan. Terima kasih **ZHULIAN**.

















## DSM NORZIANA BT MUSTAFHA

28-0003602669

Pekerjaan Sebelum Ini : GURU
Penaja : DSM KALAISELVI A/P APPANAH
28-0002406150

## DSM NAZLINI BT MOHD RAWI

28-0004242685

Pekerjaan Sebelum Ini : JURURAWAT
Penaja : : RCM HAJJAH HAMIAH BT WAN OMAR
28-0000316111



### "KUNCI KEBAHAGIAAN HIDUP ADALAH MEMBERI MANFAAT KEPADA MANUSIA LAIN."



Alhamdulillah...Syukur ke hadrat Illahi saya panjatkan atas keizinanNya menemukan saya dengan peluang hebat bersama Dunia Keemasan **ZHULIAN**. Bermula hanya datang ke kelas untuk mendengar kisah-kisah kejayaan orang-orang bisnes **ZHULIAN** akhirnya Allah dorong saya dengan pelbagai episod pahit manis untuk saya belajar melalui banyak proses menuju kejayaan tersebut hingga saya jumpa JATI DIRI sebenar dalam perjuangan perniagaan ini. Penghargaan istimewa buat pemilik **ZHULIAN** Agensi Rawang, DSM Rahimah Bt Mohd dan suami serta RCD Hajjah Noraskin Bt Hasbullah yang sentiasa memberi ingatan agar terus belajar dan bertindak. Terima kasih juga kepada semua pimpinan **ZHULIAN** Malaysia tersayang yang sudi bekerja bersama-sama saya; En. Nelson Cheah dan Team POWER GREEN Batch 1 yang sentiasa bersemangat; anak-anak rangkaian dan sideline jauh dan dekat, serta Pemilik-pemilik Agensi **ZHULIAN** di seluruh Malaysia yang tidak lokek membantu dan mengalu-alukan para usahawan **ZHULIAN** untuk hadir menimba ilmu PERCUMA sekaligus menyemarakkan semangat dan mengerat hubungan silaturrahim dan berkongsi idea. Terima kasih buat suami Ir. Fadzli Rahim, kedua ibu bapa dan anak-anak tercinta yang merestui setiap langkah saya yang ingin berkecimpung dalam perniagaan MLM **ZHULIAN** walaupun sebagai "*part-timer*". Sekalung penghargaan terima kasih buat pelanggan-pelanggan di luar sana yang mempercayai saya sebagai Pengedar **ZHULIAN** mereka. Akhir kata, dalam perjalanan hidup, kunci kebahagiaan hidup adalah memberi manfaat kepada manusia lain. Ya, wang ringgit bukan segalanya tetapi kuasa wang dapat memberi kehidupan yang lebih baik untuk membantu diri, ibu bapa, anak-anak dan sedekah jariah yang diberi demi membahagiakan orang lain, mudah-mudahan memberi keberkatan kepada hidup kita kelak, InsyaAllah. Janganlah mudah berputus asa dengan masalah. Fikir cara dan bertindaklah dengan ilmu. Ayuh kita maju bersama **ZHULIAN**. TOGETHER WE RISE!













### "...MELETAKKAN ILMU SEBAGAI ASAS, BERSIKAP TERBUKA, BERFIKIRAN POSITIF DAN BERSABAR UNTUK BERJAYA DALAM APA JUA BIDANG YANG DICEBURI."



Alhamdulilah bersyukur pada Allah S.W.T. kerana dengan izinNya mengurniakan saya kejayaan ke pangkat DSM. Terima kasih tidak terhingga kepada pembimbing, mantan Diamond Star, RCM Hajjah Hamiah Bt Wan Omar yang tidak pernah jemu memberi ilmu. Ucapan terima kasih tidak dilupakan kepada para Downline dan Sideline yang sentiasa memberi semangat dan dorongan serta sama-sama menimba ilmu di Wisma Hamiah, **ZHULIAN** Agensi Kota Bharu. Kepada suami, En. Roslan Bin Sidek dan anak-anak yang merupakan pembakar semangat untuk saya berjaya. Terima kasih kerana memahami, bukan sahaja sebagai ibu tetapi juga sebagai seorang jururawat yang bekerja tidak tentu masa serta seorang Usahawan **ZHULIAN.** Sesungguhnya kejayaan tidak akan datang bergolek tanpa usaha, dan kejayaan juga memerlukan pengorbanan masa dan tenaga. Demi mencapai cita-cita, setiap Usahawan **ZHULIAN** harus meletakkan ILMU sebagai ASAS, bersikap terbuka, berfikiran positif dan bersabar untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Akhir kata, letaklah perniagaan **ZHULIAN** sebagai sebahagian dari kehidupan kerana ia telah berjaya mengubah kualiti kehidupan individu dan masyarakat melalui rangkaian produk yang berkualiti dan Pelan Pemasaran yang adil.














## DSM NURUL HUSNA BT CHE LONG
28 - 0004830694

Pekerjaan Sebelum Ini : GURU
Penaja : SM NURULHUDA BT CHE RAZALI
28–0004815729

**"KEJAYAAN ADALAH SUATU PERJALANAN, BUKAN SUATU DESTINASI. OLEH ITU, LAYARI IA DENGAN SIFAT YANG BAIK DAN BIJAK."**

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan izin dan rahmatNya, saya sampai ke pangkat DSM dalam tempoh yang awal dari jangkaan saya sebelum ini. Saya juga tidak pernah menduga perjalanan saya di dalam Dunia **ZHULIAN** seindah apa yang dicapai hari ini. Ternyata dengan hadirnya Pelan Pemasaran Terindah, impian bukan lagi impian, hanya realiti. Terima kasih diucapkan kepada upline yang melahirkan saya dalam dunia **ZHULIAN**, SM Nurulhuda Bt Che Razali dan jutaan terima kasih juga buat insan yang menggarap saya, tidak jemu memberi ilmu walaupun berjauhan, tidak lain tidak bukan, ikon Power Green **ZHULIAN** Malaysia, RCM Nurul Najihah Bt Che Razali. Terima kasih RCD Nor Irdawani bt Che Razali, Pemilik **ZHULIAN** Agensi Setiu atas segala sokongan yang tidak berbelah bahagi, juga CDM Frankie Woo, Pemilik **ZHULIAN** Agensi Tasek Ipoh atas kesudian beliau menerima saya bersama rangkaian dalam mencari serta mengembangkan ilmu di sana. Ilmu kepimpinan yang banyak dipelajari daripada RCD Hajjah Salina Bt Selamat juga sangat saya hargai kerana perjuangan yang indah bermula dengan seorang pemimpin yang baik dan bijak. Kepada suami dan empat cahaya mata umi, terima kasih kerana sentiasa faham dan sokong umi. Last but not least, kepada rangkaian saya, terima kasih atas kepercayaan dan kasih sayang yang dicurahkan sehingga terciptanya kejayaan bersama. Percayalah, platform **ZHULIAN** adalah medan terbaik untuk kita melakar kejayaan di persada perniagaan bertaraf dunia.

















## DSM ELLYNA BT YUSOF
28-0005020074

Pekerjaan Sebelum Ini : PEMILIK PERNIAGAAN KONVENSIONAL
Penaja : SSM AMIDAH BT SALLEH
28-0005007704

**"KEGAGALAN ADALAH KEJAYAAN YANG DITANGGUHKAN MAKA JANGANLAH BERPUTUS ASA KERANA USAHA MEMPERBAIKI DIRI ADALAH KEMBARA YANG TIDAK BERPENGHUJUNG."**

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya saya sampai ke pangkat DSM melalui Pelan Pemasaran terindah. Bermula dengan program *'Smart Intermittent Fasting' (SIF)* dan menggunapakai produk, hari ini saya telah bergelar Usahawan **ZHULIAN** sepenuh masa. Kekukuhan Syarikat **ZHULIAN** yang telah 30 tahun bertapak dalam industri *Multi-Level Marketing* serta penghasilan produk-produk berkualiti yang mendapat pengiktirafan tertinggi telah menarik minat saya memilih platform **ZHULIAN** untuk dijadikan kerjaya. Sejujurnya, kejayaan hari ini adalah hasil garapan ibunda tercinta, RCD Hajjah Salina Bt Selamat, Pemimpin Progresif **ZHULIAN.** Tanpa ilmu dan bimbingan beliau tidak mungkin saya sampai ke tahap ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan, Kak Sal. Terima kasih yang tak terhingga kepada RCM Kholijah Bt Jusoh yg tak jemu-jemu membimbing, mendorong, memberi semangat dan menjadi sahabat serta pendengar setia selama ini. *I love you,* Kak Ija. Terima kasih Upline tersayang iaitu ibu saya, SSM Amidah Bt Salleh yang telah memperkenalkan Dunia Keemasan **ZHULIAN.** Terima kasih juga buat suami, Mohamad Irwan Simon dan keluarga tercinta atas sokongan padu kalian. Sesungguhnya kejayaan ini adalah milik kita bersama. Tak lupa buat semua Downline saya yang tersayang, terima kasih saya ucapkan. Segalanya telah tersedia di depan mata. Lakukan dengan bertubi-tubi dan jadilah anak murid yg patuh, baik serta bijak. Kejayaan pasti menjadi milikmu jua. Kepada Warga **ZHULIAN** Shah Alam, ukhuwah dan kasih sayang kalian amat saya hargai. Akhir kata, kegagalan adalah kejayaan yang ditangguhkan maka janganlah berputus asa kerana usaha memperbaiki diri adalah kembara yg tidak berpenghujung. Seringkali di penghujung sesuatu jalan itu akan membuka jalan yang lebih luas lagi. Salam **ZHULIAN** Harmoni!















# ASPIRASI & INSPIRASI 2020

Akhirnya, tahun 2020 yang dinanti-nantikan sekian lama telah pun tiba di depan mata. Hadirinya tahun ini bersama harapan dan semangat baru yang pasti bercambah dan tumbuh subur di jiwa para Usahawan ~ **ZHULIAN** Harmoni. Marilah kita berkongsi kata-kata dan aura beberapa Pemimpin terpilih agar menjadi manfaat berguna menelusuri laluan kehidupan bersama **ZHULIAN!**



## RCD WAN SU BT JAFAR
(28-0000858852)

Laluan perjalanan saya sepanjang tahun sebelumnya agak sederhana, namun saya berterima kasih kepada Syarikat kerana menghantar seorang Pegawai Pemasaran yang cukup hebat di awal tahun 2019 yang berjaya menaikkan semangat orang-orang saya sehinggakan ramai di kalangan mereka yang teruja dan berkomitmen untuk berjuang seiring **ZHULIAN.** Pastinya tahun 2020 ini bermulanya lembaran baru untuk saya lebih komited mengekalkan kecemerlangan sepanjang tahun.



## RCM SHIKH IBRAHIM BIN SHIKH A. HANAM
(28-0000028570)

Assalamualaikum dan salam sejahtera! Syukur Alhamdulillah, harap kita semua melalui tahun 2019 dengan penuh kegembiraan. Saya yakin, tahun 2020 akan lebih membawa kita semangat yang luar biasa dan mencapai matlamat serta impian masing-masing!



## RCD HAJJAH SALINA BT SELAMAT
(28-0000908530)

**ZHULIAN** Harmoni maksudnya **ZHULIAN** yang dikasihi oleh setiap yang mengenali. **ZHULIAN** Harmoni juga bermaksud setiap Pemimpinnya bersatu hati tanpa ada apa-apa kepentingan peribadi untuk mencipta nama sendiri. **ZHULIAN** Harmoni mendukung Misi dan Visi membawa **ZHULIAN** kepada masyarakat dan menyediakan pasaran yang subur untuk masa hadapan. Semoga 2020 merupakan tahun **ZHULIAN** Harmoni yang mampu membawa para Usahawannya cemerlang serta mampu menjadi satu alternatif sumber rezeki yang lumayan dan menjamin masa depan kepada rakyat Malaysia.



## RCM HAJJAH ZAIDAH BT YET
(28-0000061874)

Walaupun sepanjang tahun lalu perjalanan perniagaan saya agak perlahan akibat suasana ekonomi yang banyak mempengaruhi, selain para Downline yang tidak lagi setia bersama. Walau apa jua keadaan, berbekalkan semangat dan pengalaman yang ada, tidak mungkin saya berputus asa. Perjuangan dan semangat yang membara akan saya teruskan dengan kumpulan Pengedar baru untuk terus berjaya cemerlang di dalam **ZHULIAN.** Saya percaya kejayaan pasti ada bagi mereka yang tidak mengenal erti berputus asa. Syabas untuk Warga **ZHULIAN**...bertemu kita di Puncak Jaya!



## RCD NOR IRDAWANI BT CHE RAZALI
(28-0002285158)

Bismillahirahmanirahim. Setiap tahun baru seharusnya dimulai dengan azam yang hebat untuk **ZHULIAN.** Saya sendiri memiliki cita-cita besar untuk tahun 2020 ini yang merupakan Tahun Keharmonian **ZHULIAN.** Saya ingin melihat begitu ramai Pengedar sama ada pengedar lama atau baru membuka mata dan hati seluas-luasnya untuk melihat dan merebut peluang yang sangat hebat dalam perniagaan ini. Peluang untuk semua orang mampu berimpian dan memiliki apabila mereka terus bermula melakukan perniagaan ini dengan mengetahui selok-belok perniagaan ini. Peluang yang ternyata sangat berbeza dan sangat seronok jika dibandingkan dengan perniagaan-perniagaan lain. Semua antara kita harus menggembleng tenaga, pemikiran, semangat dan kesatuan untuk bersama memajukannya dan saya percaya, sudah tentu tiada seorang antara kita akan ketinggalan.



## RCM NURUL NAJIHAH BT CHE RAZALI
(28-0002428416)

Sejujurnya Tahun Kecemerlangan 2019 memberi keindahan buat Warga **ZHULIAN,** termasuk diri saya sendiri. Tahun lalu, saya mula mengorak langkah di dalam perniagaan ini melalui 'perisian' iaitu bercara. Dihidangkan dengan perisian *'Smart Intermittent Fasting'* (SIF) membuatkan saya bersama *'Group Power Green'* semakin berkembang. Dilengkapkan pula dengan *'Servant Leadership'* yang jarang dilaksanakan oleh para Pemimpin, kini saya aplikasikan untuk *'Group Power Green'* sehingga meraih pangkat CDM dan RCM. Azam tahun 2020, saya bersama kumpulan ingin melakukan dan mengajak seluruh *'Power Green'* Malaysia untuk bermula dengan perisian *'flow'* susu **ColoSkim** dalam melahirkan permata yang ramai dan benar kerana *'flow'* susu yang telah saya laksanakan pada fasa awal tahun lepas terbukti kini dengan perkembangan populasi yang kian meningkat dalam kita ke arah Wawasan **ZHULIAN** 2039.



## RCM SITI HAJAR BT MASIRON
(28-03124831)

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi di atas pencapaian saya pada tahun 2019 ini di mana saya dapat mencapai 2 Pangkat sekali gus iaitu CDM dan RCM. Terima kasih kepada pihak syarikat **ZHULIAN** yang telah menyediakan satu platform yang indah ini. Impian saya adalah ingin merealisasikan misi dan visi, membawa **ZHULIAN** kepada masyarakat dan menyediakan pasaran yang subur untuk masa hadapan sehingga Pangkat RCD menjadi realiti untuk saya dan ramai lagi. Saya juga berimpian untuk mengharumkan nama **ZHULIAN** dan **ZHULIAN** Harmoni. Semoga tahun 2020 memberi sinar yang terindah buat kita semua!



## CDM NORSOFIA BT MAT TAHIR
(28-0002451681)

Saya akan berusaha lebih gigih untuk menjayakan dan berkongsi peluang kepada lebih ramai di kalangan masyarakat. Saya berazam di tahun 2020 ini untuk melahirkan lebih ramai Usahawan cemerlang. Sesungguhnya **ZHULIAN** telah merealisasikan banyak impian saya dan para Pengedar lain. We all love **ZHULIAN!**



## SM SHAIDA NAFISHA BT AZIZAN
(28-0005121292)

Setiap tahun baru di Dunia **ZHULIAN** hadir bersama peluang bagi insan-insan yang berwawasan. Dalam Wawasan 2020, meniti antara impian dan kenyataan adalah TINDAKAN. Tidak disangkal lagi, tindakan yang hebat boleh direalisasikan melalui Pelan Pemasaran Terindah bersama *'Synergy 25'* dengan perisian program *'Smart Intermittent Fasting'* (SIF) yang menggunakan **B'Young Advance Functional Baverage dan ColoSkim.** InsyaAllah sekaligus dapat menjadi pemangkin yang melonjakkan nama baik Syarikat **ZHULIAN.** Mendengar bait-bait kata kesyukuran oleh masyarakat harmoni bersama **ZHULIAN** menyebabkan saya bersama jemaah di bawah rangkaian RCD Hajjah Salina Bt Selamat ingin meneruskan wawasan hebat ini di Persada **ZHULIAN** untuk lebih menyerlah ke arena antarabangsa. Selamat Tahun Baru untuk semua dari saya, SM Shaida Nafisha Bt Azizan.



## DSM RAHIMAH BT KUNA
(28-03102110)

Saya bukanlah seorang yang hebat. Sebelum ini saya tidaklah fokus pada perniagaan ini, tetapi sehingga tahun 2017 saya bangkit secara perlahan-lahan. Alhamdulillah dengan pengisian dan ilmu daripada Pemimpin Progresif, RCD Hajjah Salina Bt Selamat, saya mula fokus pada matlamat. InsyaAllah pada tahun 2020 ini, saya akan mengembangkan kumpulan. Saya juga akan pastikan CDM dalam genggaman dan jika ada rezeki ke arah RCM pula kerana saya yakin siapa yang berusaha pasti akan berjaya dan mencapai matlamat!



SSM NURULHUDA BT CHE RAZALI 28-0004815729

SM WONG YIP FAN 28-0000538115

SM AMIR REDZA BIN ROSLAN 28-0003934206

SM MUZAFIS BIN MAHMUD 28-0001109119

SM NUR HIDAYAH MOHAMAD YUSOF 28-0004546757

SM ROHANA BT APAN 28-0004576775

SM NORLINDA BT ABDUL RAHMAN 28-0004723717

SM NOSURA BT TAIB 28-0004897580

SM HAYATUL FARHAH BT ABDUL JALIL 28-0004548152

SM WAN TOM BT WALAH @ WAN ABDULLAH 28-0004706381

SM SITI ZALEHA BT DALLI 28-0004888491

SM NUR AMIRATUL AQILAH BT MOHD RIDZUAN 28-0004911289

SM ADILAH BT ABDUL KADIR 28-0005035877

SM SITI NOOR BT MD LAZI 28-0005125092

SM PUTRI SURITI BT ALI SADARI 28-0005163838

SM KHALISA BT MOHD SHAARI 28-0004958500

SM HAMIDAH BT MURAD 28-0005051915

SM NORAINI BT HASSAN 28-0005136291

SM ZANARIAH BT JAMAL 28-0005168789

SM ADIBAH SYAKINAH BT AMRAN 28-0005178092

SM LATIFAH BT OTHMAN 28-0005171681

SM HAMINAH BT BAKRI @ SAHAR 28-0000751672
SM YUSLIZA BT MAT YUSOFF 28-0001711675
SM JUNAINAH BT YUNUS 28-0002671601
SM SITI ROHANI BT MUSA 28-0002911191
SM MUHAMAD YUSREEN ELIF BIN MOHD YUSOP 28-0003662797
SM ZURIANI BT HASHIM 28-0005119063
SM ZURYATI BT MD OSMAN 28-0005132275
SM AZILA BT MAT GHANI 28-0005149098
SM ZURAINAI BT TEROH 28-0005198709

SE LIJAH BT JANTAN 28-0004197708
SE SHAHANIZA BT SARKAWI 28-0004208619
SE NURUL IZZAH BT AHAMAD SABKI 28-0004251597
SE SURIATINI BT ISMAIL 28-0004552588
SE ZAINUN BT RAMLAN 28-0004596602
SE RUWAIDAH BT T BAKAR 28-0004606227
SE MAHMUDAH BT YAHYA 28-0004656564
SE NIK IDNI YUSMAIMI BT NIK MAT 28-0004674902
SE KEMIS BT KATIJAN 28-0004723728
SE DR.WAN SUNIZA BT WAN HARUN 28-0004737303
SE SITI HANEEM BT ABD RASHID 28-0004808906
SE SALEHA BT MAT 28-0004824547
SE SANIAH BT SHARIF 28-0004824930
SE HERAWATI 28-0004824931
